

**PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
RUMUSAN MBJ-PEKERJA SIRI 1, 2 & 3 / 2018 – 2020**

BIL	PERKARA	DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN	SELESAI/ BELUM SELESAI	CATATAN
1	<p>Edaran Minit Mesyuarat MBJ</p> <p>Pihak Pekerja mencadangkan minit mesyuarat diedarkan kepada semua kakitangan melalui email agar semua kakitangan mengetahui perkembangan dan isu-isu yang dibincangkan.</p>	Diluluskan	Selesai	Pihak Majikan bersetuju edaran minit mesyuarat terhad kepada ahli MBJ (Pekerja dan Majikan) sahaja. Hanya isu-isu yang telah diputuskan dan disahkan dalam mesyuarat sahaja akan diedarkan kepada kakitangan.
2	<p>Pekeliling Isu dan Cadangan MBJ</p> <p>Isu dan cadangan yang diutarakan adalah berpandukan kepada Pekeliling Bilangan 3. Tahun 2002 majlis bersama jabatan Di kementerian / Jabatan / Pihak Berkuasa Badan Berkanun / pihak Berkuasa Tempatan iaitu mengenai perkara-perkara yang boleh dbawa dalam mesyuarat MBJ.</p>	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan.
3	<p>Paparan Isu Di Laman Web / Intranet PNS dan Papan Kenyataan (Aras 1)</p> <p>Mewujudkan pautan link mengenai isu-isu yang telah selesai melalui intranet untuk memudahkan semua kakitangan mengetahui kedudukan dan isu yang dibincangkan.</p>	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan.
4	<p>Pengganti Kakitangan Bersara</p> <p>MBJ-Pekerja mencadangkan agar pengganti bagi kakitangan bersara diisi dengan segera.</p>	Diluluskan	Selesai	Pihak Majikan memaklumkan bahawa penggantian kakitangan bersara PNS akan diisi. Jabatan telah mengemukakan permohonan untuk 90 jawatan, tetapi hanya 49 sahaja diluluskan. Temuduga telahpun dijalankan bagi pengisian 49 jawatan ini.
5	<p>Rondaan oleh Pengawal keselamatan</p> <p>Pihak Pekerja mencadangkan agar rondaan di laluan masuk Ibu Pejabat PNS oleh pengawal keselamatan kerap dibuat bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas terutama semasa adanya rombongan lawatan daripada pihak luar.</p>	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan.
6	<p>Jaket Keselamatan untuk Kakitangan Unit Penghantaran</p>	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan.

	Pihak Pekerja mencadangkan agar kakitangan Unit Penghantaran dibekalkan jaket keselamatan bagi melindungi daripada kecederaan belakang semasa mengangkat barang.			
7	Perlembagaan MBJ Jabatan Pengerusi (Pekerja) memaklumkan bahawa deraf Perlembagaan MBJ-PNS telah disediakan seperti yang diedarkan semasa mesyuarat. Perlembagaan boleh dihantar kepada JPA Malaysia sekiranya dipersetujui oleh pihak Majikan.	Diluluskan	Selesai	Pengerusi (Majikan) meminta Setiausaha (Pekerja) untuk mengemukakan deraf Perlembagaan MBJ-PNS kepada pengurusan atasan untuk semakan lanjut.
8	Menjaga Penampilan Ketika Bertugas Ke Luar Daerah Mohon pihak majikan mengeluarkan makluman kepada kakitangan agar mematuhi etika berpakaian semasa terlibat dengan tugas rasmi ke luar daerah kerana boleh menjejaskan imej jabatan dan kakitangan itu sendiri. Didapati ada kakitangan yang tidak mematuhi etika berpakaian (berseluar pendek dan berselipar) ketika menjalankan tugas rasmi ke luar daerah.	Diluluskan	Selesai	Pihak Majikan mengambil berat tentang perkara ini, sehubungan dengan itu semua Ketua Bahagian diminta untuk mengambil perhatian terhadap perkara ini. Pakaian ke pejabat dan ketika bertugas di luar daerah hendaklah kemas dan bersesuaian. Penggunaan jeans, track suit, t-shirt tidak berkolar, sandal dan selipar adalah dilarang.
9	Perhimpunan Kakitangan Setiap Suku Tahunan Pihak Pekerja mencadangkan agar perhimpunan kakitangan diadakan semula setiap suku tahunan iaitu tiga (3) bulan. Ia bertujuan untuk menyampaikan perkembangan serta aktiviti jabatan dan mengeratkan hubungan serta keharmonian antara kakitangan.	Diluluskan	Selesai	i. Siri 1/2019 - Februari 2019 ii. Siri 2/2019 - 5 Mei 2019 iii. Siri 3/2019 - Disember 2019
10	Perlantikan PSH dari Jawatan Sambilan ke Jawatan Sementara dan Percubaan Pihak Pekerja memohon penjelasan tentang kriteria dan syarat kelayakan pelantikan PSH berjawatan sambilan ke jawatan sementara dan percubaan. Isu yang dibangkitkan ialah lantikan PSH terdahulu telah diserapkan ke jawatan sementara (dipilih tanpa melalui temuduga), manakala lantikan PSH terbaharu diserapkan ke jawatan percubaan (dipilih melalui temuduga).	Diluluskan	Selesai	Pelantikan adalah berdasarkan kelayakan akademik, markah prestasi SKT dan bergantung kepada kelulusan oleh Kementerian Kewangan. Pelantikan juga berdasarkan kekosongan jawatan yang ditawarkan pada masa tersebut.
11	Pelaksanaan Latihan <i>Fire Drill</i> Pihak Pekerja mencadangkan agar latihan <i>fire drill</i> dilaksanakan di Ibu Pejabat, PNS.	Diluluskan	Selesai	1). Siri 1/2019 – 12 Februari 2019 2). Siri 2/2019 – 5 September 2019
12	Bonus Koperasi PNS	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan semasa Mesyuarat Agung

	Pihak Pekerja agar pemberian bonus Koperasi-PNS diberi kepada semua ahli secepat yang mungkin.			Tahunan telah diadakan pada 17 Ogos 2019 bertempat di Ibu Pejabat, Aras 8, PNS.
13	Pelantikan AJK Tertinggi Koperasi PNS Pihak Pekerja memohon penjelasan berkenaan prosedur dan kriteria dalam pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi menerajui koperasi PNS.	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan semasa Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 17 Ogos 2019 bertempat di Ibu Pejabat, Aras 8, PNS.
14	Carta Organisasi MBJ (M) dan MBJ (P) Pihak Pekerja mencadangkan supaya carta organisasi MBJ (M) dan MBJ (P) dipamerkan di ruangan MBJ papan kenyataan di Aras 1.	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan, walau bagaimanapun perlu dikemas kini kerana pertukaran beberapa orang pegawai dan kakitangan PNS.
15	Sesi Suai Kenal Kakitangan Baharu / PSH Pihak Pekerja menyarankan agar sesi suaikenal kakitangan baru / PSH dibuat secara konsisten dan berterusan. Merujuk kepada sesi suaikenal yang telah dijalankan, waktunya ialah pada waktu kakitangan masih bercuti semasa perayaan Hari Raya iaitu Jun 2019 baru-baru ini, mohon sekiranya sesi suaikenal dijalankan pada masa yang sesuai.	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan.
16	Notis Larangan Merokok Pihak Pekerja memohon notis larangan merokok dipergiatkan di sekitar bangunan pejabat PNS, terutama di kawasan kantin kerana masih terdapat pengunjung yang merokok di kawasan tersebut. Zon khas merokok juga hendaklah disediakan dan dikuatkuasakan.	Diluluskan	Selesai	Pihak Majikan dimaklumkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil ke atas perkara ini adalah seperti berikut: 1). Notis Larangan Merokok telah diletakkan di kawasan berkenaan. 2). Pemilik kantin telah dimaklumkan mengenai larangan. 3). Pegawai Kesihatan pernah menjalankan pemeriksaan tetapi hanya kanak-kanak sahaja yang dapat ditangkap.
17	Keselamatan Dalam Kawasan Pejabat Atas faktor keselamatan dan saranan Pegawai Bomba semasa latihan <i>fire drill</i> pada 12 Februari 2019 lalu, setiap laluan di bangunan ini mestilah dikosongkan tanpa sebarang longgokan barang-barang.	Diluluskan	Selesai	Pihak Majikan memaklumkan bahawa longgokan kelengkapan ICT tersebut sedang menunggu untuk dilupuskan secara e-waste. Kelengkapan ICT akan dipindahkan ke stor aset yang baru siap dibina sementara menunggu kelulusan MoF.

	Dicadangkan agar perabot dan peralatan yang rosak dipindahkan ke tempat yang bersesuaian. Ini kerana masih terdapat longgokan komputer lama/rosak yang dibiarkan di laluan keluar belakang Bahagian Katalog.			
18	Kebersihan Tandas Pihak Pekerja memohon agar kebersihan tandas lebih diambil perhatian kerana terdapat aduan tandas di beberapa aras di pejabat ini tidak dibersihkan dengan baik.	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan.
19	Pelbagaikan Menu dan Tanda Harga Makanan Kantin Pihak Pekerja memohon agar pihak Majikan memaklumkan kepada pengusaha kantin untuk mempelbagaikan menu makanan dan mengenakan harga berpatutan serta konsisten. Senarai harga makanan dan minuman haruslah dipamerkan.	Diluluskan	Selesai	Telah diambil tindakan.
20	Penglibatan Bukan AJK Dalam Program Lawatan Merujuk mesyuarat yang diadakan di Sandakan pada 10 Oktober 2019, pihak MBJ (Pekerja) mohon makluman keperluan membawa beberapa orang kakitangan dari BKPP yang bukan AJK kerana ia melibatkan peruntukan MBJ.			Pihak Majikan menerangkan bahawa penyertaan kakitangan BKPP ke Perpustakaan Cawangan Sandakan adalah untuk melakukan kerja-kerja pemeriksaan aset dan perjawatan.
21	Pembatalan Perlantikan Setiausaha MBJ (Pekerja) Pengerusi (Pekerja) memaklumkan telah menerima surat makluman pembatalan Setiausaha (Pekerja) dari pihak Pengurusan. Pihak MBJ (Pekerja) ingin penjelasan mengenai perkara ini.	Diluluskan	Selesai	Pihak Majikan memaklumkan perkara ini akan dijelaskan secara bertulis memandangkan ianya melibatkan hal peribadi. Penama masih kekal sebagai ahli biasa MBJ (Pekerja).
22	Peruntukan MBJ Pihak Pekerja ingin mengetahui jumlah peruntukan yang diberikan kepada MBJ-PNS di jabatan ini. Sekiranya ada pihak Pekerja juga memohon agar satu laporan kewangan disediakan sebagai makluman dan rujukan di masa akan datang.	Tidak diluluskan	Selesai	Pihak Majikan memaklumkan bahawa tidak ada peruntukan khas untuk MBJ-PNS selain daripada makan, minum dan Elaun TNT sahaja. Walau bagaimana pun Pengerusi (Majikan) meminta Pengerusi (Pekerja) menyediakan kertas kerja lawatan MBJ untuk justifikasi bagi mendapatkan peruntukan tambahan pada tahun hadapan.
23	Pakaian Seragam	Tidak diluluskan	Selesai	1). Pegawai Tadbir (AO) menjelaskan bahawa sebelum ini tidak ada masalah untuk pembelian

	Pihak Pekerja memohon diberikan peruntukan untuk pakaian seragam untuk semua AJK MBJ-Majikan dan MBJ-Pekerja seperti yang diperuntukan kepada MBJ pada sesi yang lalu.			pakaian seragam berkenaan tetapi yang terkini PNS menerima teguran daripada Bendahari untuk pembelian pakaian berkenaan. 2). Pengerusi memaklumkan bahawa peraturan baharu perkhidmatan awam ialah tidak memberi kebenaran pegawai dan kakitangan kerajaan memakai baju korporat seperti sebelum ini.
24	Pemasangan Road Divider Post Pihak Pekerja mencadangkan agar pihak pengurusan memohon kepada JKR supaya memasang <i>road divider post</i> bermula dari bulatan simpang Wisma Pertanian ke pintu masuk bangunan pejabat ini. Terdapat beberapa aduan yang diterima mengenai perkara ini, antaranya ialah kemalangan kecil yang melibatkan kenderaan kakitangan dengan kenderaan pengguna Taman Rimba yang diletakkan di tepi jalan.	Tidak diluluskan	Selesai	Pihak Majikan memberitahu bahawa perkara ini adalah di luar bidang kuasa jabatan ini.
25	Bantuan Khairat Kematian Pihak Pekerja ingin mengambil perhatian mengenai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/2011, muka surat 2, perkara Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah dimana Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan pembayaran bantuan kepada waris.	Dalam perhatian	Selesai	Pihak Majikan memaklumkan bahawa pembayaran bantuan mengurus jenazah kepada pewaris memang diurus oleh Jabatan, bagaimana pun pewaris hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pentadbiran (BKPP) bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.
26	Kenaikkan Pangkat Gred N11 ke N14 Pihak Pekerja memohon agar kakitangan gred N11 dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat gred N14. Pihak Pekerja juga memohon penjelasan samada kakitangan perlu menduduki peperiksaan khas dan adakah kenaikan pangkat berasaskan time based/KUP masih diguna pakai.	Dalam perhatian	Selesai	Pihak Majikan menjelaskan kenaikan pangkat dari gred N11 kepada gred N14 adalah secara time-based sahaja.